

# 45 GBK hadiri bengkel peningkatan profesionalisme

UB 2-2-2018 A2

LAHAD DATU: Seramai 45 guru bimbingan dan kaunseling sekolah di daerah ini menghadiri Bengkel Peningkatan Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Lahad Datu pada Ahad.

Penceramah bengkel itu ialah Dr Wan Anor Wan Sulaiman, yang merupakan penyelaras Sarjana Psikologi dan Kaunseling Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS.

Bengkelseumpama itu dapat meningkatkan keyakinan GBK untuk terus memberikan perkhidmatan di sekolah masing-masing, kata Pegawai Pendidikan Daerah Lahad Datu Zamri Haji Pehakan, dalam ucapannya yang disampaikan oleh wakilnya Lajarudi Lajahidi.

Beliau mengalau-alukan kehadiran rombongan dari UMS yang diketuai oleh Wan Anor untuk berkongsi ilmu bagi meningkatkan kompetensi dan tahap profesionalisme GBK Daerah Lahad Datu.

"PPD sentiasa bekerjasama padu kepada pihak UMS dan mana-mana agensi dalam membangunkan profesionalisme guru di daerah ini," katanya.



**LAJARUDI (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Wan Anor.**

Beliau berharap input daripada penceramah mampu menjadikan GBK dinantikan kehadirannya di sekolah dan ketiadaannya dirasakan serta dicari.

"Bahkan tidak timbul isu GBK yang perlu dikaunseling atau meminta untuk dihargai, sebaliknya kita mahu GBK yang ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab sehingga mereka dihargai," katanya.

Menurutnya, GBK yang berkualiti bukan minta untuk dihargai tetapi dengan kerja ikhlas yang dilaksanakannya menyebabkan orang lain menghargainya.

Zamri juga menyatakan

penghargaan kepada Penyelaras Program Haji Mahil Kamarudin merangkap Kaunselor Pelatih Sarjana UMS yang berinisiatif membawa bengkel itu ke Lahad Datu.

Selain itu, beliau juga

menghargai komitmen YDP Majlis Guru Kaunseling LD Julia Subandi merangkap Pengarah Bengkel berserta AJKnya yang bertungkus lumus memastikan bengkel itu dilaksanakan dengan jayanya.